


KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# KERATAN AKHBAR KESUMA”

KHAMIS  
10 OKTOBER 2024



# Kilang kitar semula didenda RM100,000 abai keselamatan pekerja

**SEPANG:** Sebuah kilang kitar semula, Best Eternity Recycle Technology Sdn. Bhd., dikenakan denda RM100,000 selepas didapati bersalah atas kegagalan menyediakan sistem kerja selamat mengakibatkan kemalangan maut melibatkan salah seorang pekerjanya.

Hakim Mahkamah Sesyen Sepang, Amir Affendy Hamzah menjatuhkan hukuman denda itu kepada pemilik kilang itu yang diwakili pengurus kilang setelah mengaku bersalah selepas pendakwaan dijalankan semalam.

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Selangor dalam kenyataan memaklumkan, kilang itu didakwa kerana kegagalan majikan dalam memenuhi tanggungjawab memastikan keselamatan, kesihatan, dan kebajikan pekerja di tempat kerja.

Katanya, kilang tersebut merupakan tempat kerja pertama yang didakwa selepas berkuat kuasanya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 pada 1 Jun lalu.

“Siasatan yang dijalankan

oleh pihak JKKP mendapati kilang tersebut melanggar peruntukan di bawah Seksyen 15(1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022.

“Berikutan pelanggaran ini, JKKP mengambil tindakan tegas dengan mendakwa Best Eternity Recycle Technology Sdn. Bhd. di Mahkamah Sesyen Sepang semalam,” katanya semalam.

JKKP berkata, di bawah pindaan terbaharu akta ini, syarikat yang bersalah boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 atau penjara selama dua tahun.

Pada masa sama, JKKP mengingatkan semua industri agar mematuhi peraturan yang digariskan di bawah akta ini.

“JKKP tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu atau syarikat yang melanggar undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

“Penguatkuasaan yang lebih ketat akan diteruskan bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja terus dilindungi,” katanya.

## 32,000 dapat manfaat Program Social Synergy

**Kuala Lumpur:** Lebih 32,000 menerima manfaat Program Social Synergy Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sejak 2019 sehingga September 2024.

Pengerusi Lembaga PERKESO, Datuk Seri Subahan Kamal, berkata sehingga kini lebih 350 agensi terdiri daripada agensi kerajaan, bukan kerajaan, swasta dan wakil rakyat memberikan komitmen untuk bersama dalam gagasan Program Social Synergy.

"Kongres Social Synergy 2024 kali ini menyaksikan pengumuman perkhidmatan 'Social Synergy One Stop Centre' dan PERKESO adalah perintis bagi penyediaan kaunter perkhidmatan berkenaan bagi memudahkan prospek mendapatkan bantuan yang sewajarnya merentasi agensi serta diperluas kepada rakan sinergi lain.

"Beberapa memorandum kerjasama (MoC) dimeterai dan diserahkan membabitkan Majlis

Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Kongres Social Synergy 2024, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed; Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi)

PERKESO, John Riba Marin dan Pengarah Bahagian Produktiviti Insan, Perbadanan Produktiviti Malaysia, Mohamad Muzaffar Abdul Hamid.

### Aktif sumbangan agensi

Subahan berkata, kongres turut memberi pengiktirafan sumbangan agensi yang komited menjayakan objektif Program Social Synergy melalui 'Anugerah Social Synergy' membabit empat kategori, iaitu Agensi Proaktif,

Agensi Supportive, Agensi Responsif dan Agensi Terbaik.

"Program Social Synergy adalah hasil inisiatif PERKESO dalam usaha mengatasi isu pertindihan dan keciciran bantuan di dalam golongan sasar.

"Ia diperkenalkan pada 2017 yang menyediakan jaringan keselamatan sosial sistematik, komprehensif, holistik dan end-to-end solution melalui kolaborasi pelbagai rakan strategik," katanya.



Subahan (tengah) dan Dr Mohammed Azman (empat dari kiri) bersama agensi yang menerima anugerah sumbangan pada Majlis Perasmian Kongres Social Synergy 2024, di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)



**Kuala Lumpur:** Penambahan dana Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) serta penguatkuasaan lebih banyak pusat pendidikan awal kanak-kanak yang dikendalikan oleh agensi kerajaan menjadi antara harapan belia menjelang pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober ini.

Presiden Majlis Belia Malaysia, Mohd Izzat Afifi Abdul Hamid berkata, penambahan dana PTPK sangat penting kerana jumlah pelajar dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) semakin meningkat, di samping kos pembelajaran yang turut bertambah.

"Kerajaan telah memperuntukkan RM180 juta dalam Belanjawan tahun ini, jadi kami berharap agar dana ini dapat ditambah selaras dengan keperluan semasa. Kami sedar bahawa kerajaan sangat memberi perhatian terhadap bi-

## Penambahan dana PTPK harapan belia

dang ini, justeru adalah wajar jika dana PTPK ditambah sesuai dengan perkembangan terkini," katanya.

Beliau turut menekankan bahawa penetapan gaji premium kepada lepasan TVET pada kadar antara RM2,500 hingga RM4,000 oleh Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET), yang diumumkan pada 23 September lalu, akan meningkatkan minat pelajar untuk menceburi bidang tersebut pada tahun hadapan.

"Semasa sesi Townhall Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) baru-baru ini, memang terdapat permintaan tinggi daripada pelajar untuk menceburi bidang TVET. Malah, ada juga permintaan untuk memperluaskan tenaga pengajar di kolej kemahiran," tambahnya.



**"Kerajaan telah memperuntukkan RM180 juta dalam Belanjawan tahun ini, jadi kami berharap agar dana ini dapat ditambah selaras dengan keperluan semasa"**

*Presiden Majlis Belia Malaysia, Mohd Izzat Afifi Abdul Hamid*

Mohd Izzat Afifi turut berharap jika kerajaan bersetuju menambah dana PTPK, ia turut diperluaskan kepada Skim Latihan Dual Nasional (SLDN). Buat masa ini, pelajar yang menyertai SLDN tidak layak untuk memohon pembiayaan melalui PTPK.

Selain itu, beliau mencadangkan agar kerajaan

memperbanyakkan pusat pendidikan awal kanak-kanak seperti Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) dan Pra-sekolah. Usaha ini akan memberi manfaat besar kepada keluarga muda, terutama golongan berpendapatan rendah.

"Ramai golongan belia, terutamanya keluarga muda, masih bergelut dengan

kos sara hidup yang tinggi serta yuran tadika swasta yang mahal. Oleh itu, penambahan Tabika dan Pra-sekolah sangat diperlukan kerana jumlah yang sedia ada tidak mencukupi dan tidak mampu menampung kemasukan murid," katanya.

Sementara itu, Presiden Prihatin Malaysia, Luqman Hakim Md Zim, pula mencadangkan agar kerajaan memperluaskan program biasiswa kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam semua bidang penyelidikan yang berkelayakan.

"Biasiswa ini perlu merangkumi semua bidang, terutamanya penyelidikan, bagi memperkasakan modal insan negara dan menyumbang kepada perkembangan pendidikan negara," katanya.

Beliau turut menyarankan

agar kerajaan memperkenalkan skim bantuan khusus untuk usahawan belia yang ingin menceburi sektor ekonomi digital. Langkah ini dilihat penting untuk merencanakan sektor yang ketika ini didominasi oleh syarikat-syarikat besar.

"Ini adalah peluang baru yang kerajaan perlu ambil perhatian, kerana ekonomi digital memberikan sumbangan besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Dengan adanya lebih banyak syarikat pemula yang melibatkan golongan belia, kita dapat meningkatkan jumlah usahawan muda dan merencanakan lagi sektor tersebut," katanya.

Pada 4 Oktober lalu, Menteri Digital, Gobind Singh Deo memaklumkan bahawa ekonomi digital dijangka menyumbang sebanyak 25.5 peratus kepada KDNK menjelang akhir tahun depan. - Bernama



<b>Akhbar</b>	<b>The Sun Daily</b>
<b>Tarikh</b>	<b>10 Oktober 2024</b>
<b>Ruang</b>	<b>National</b>
<b>Muka Surat</b>	<b>4</b>



# Youths **want** more TVET, early childhood funding

➤ Young leaders seek greater support for education, digital entrepreneurship and scholarships in Budget 2025

**KUALA LUMPUR:** An increase in the Skills Development Fund Corporation (SDFC) and a rise in the number of government-supervised early childhood education centres are among the key expectations of youths for Budget 2025, which will be tabled in Parliament on Oct 18.

Malaysian Youth Council president Mohd Izzat Afifi Abdul Hamid said the SDFC fund needs to be increased due to the growing number of students in technical and vocational education and training (TVET) and the rising costs of these programmes.

"The government allocated RM180 million in this year's budget. We hope that the amount will be increased according to current needs," he said in a recent interview.

He noted that the announcement by the National Technical and Vocational Education and Training Council on Sept 23 of a premium salary range of RM2,500 to RM4,000

for TVET graduates is expected to boost interest in the field for the next academic year.

"During the recent Human Resources Ministry town hall, there was a demand to enter TVET and for skills college staff to be expanded. If the government agrees to increase funds for SDFC, I hope it also extends to the National Dual Training Scheme," he said.

Mohd Izzat Afifi also suggested that the government increase the number of early childhood education centres, such as kindergartens and preschools.

"Young families continue to struggle with low wages, the high cost of living and expensive private kindergarten fees. More kindergartens and preschools are essential, as current facilities are insufficient to meet demand," he said.

Meanwhile, *Prihatin Malaysia* president Luqman Hakim Md Zim expressed hope that

the government will expand the scholarship assistance programme to cover all research fields for students in institutions of higher learning.

"Scholarships should empower the country's human capital and support the development of education by covering research fields," he said.

Luqman Hakim also recommended that the government provide an aid scheme to help young entrepreneurs enter the digital sector.

"This is a key opportunity for the government to consider as the digital economy significantly contributes to the country's gross domestic product (GDP). Supporting startups led by youths will increase the number of young entrepreneurs and boost the sector," he said.

On Oct 4, Digital Minister Gobind Singh Deo announced that the digital economy is projected to contribute up to 25.5% to GDP by the end of next year, *Bernama* reported.

He highlighted that Malaysia is on track to meeting this target as digital investment rose to RM66.22 billion in the first half of this year, up from RM46.2 billion in 2023.